

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 12 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L2999
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah penipuan oleh agen-agen pelancongan sepanjang tempoh TMM 2007 dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap agen-agen tersebut.
2. PN-1142-L3659
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi terkini yang perlu diambil oleh Malaysia selaku Pengerusi OIC bagi menyelesaikan pertelingkahan antara puak HAMAS dan FATAH demi kepentingan rakyat Palestin dan apakah harapan masyarakat antarabangsa apabila pembentukan kabinet darurat yang terbaru dengan mengenehi kumpulan HAMAS akan terus mengancam keselamatan di rantau itu.
3. PN-1142-L3253
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapat banyak syarikat kad kredit yang menjalankan pelbagai jenis promosi dengan menawarkan tambahan pinjaman, apakah tindakan Bank Negara untuk menghadkan promosi seperti ini supaya tidak membebankan pemegang kad.
4. PN-1142-L3099
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menggubal satu dasar baru supaya peratusan jumlah peniaga di lot-lot kompleks perniagaan terkenal dan strategik di sesuatu kawasan dikhasakan kepada peniaga Melayu atau Bumiputera.
5. PN-1142-L3110
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan mengenai status usaha membawa pulang artifak sejarah negara dari negara asing seperti di Belanda dan Britain.

6. PN-1142-L3644
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dalam mengawal kenaikan harga minyak sawit, apakah pihak Kementerian tidak berhasrat untuk mengenakan harga siling di peringkat pengilang dan pemborong bagi memastikan harga pengguna dapat dikawal.
7. PN-1142-L3314
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rasionalnya pihak Kementerian mencadangkan penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari bagi kaum wanita yang berkhidmat di sektor awam dan swasta di negara ini.
8. PN-1142-L3380
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap stesen-stesen tv swasta yang enggan mendokong dan merealisasikan dan Dasar Kebudayaan kebangsaan.
9. PN-1142-L3280
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang dan pendek yang telah diambil Kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara Kuala Lumpur.
10. PN-1142-L3091
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peserta yang telah mendapat bantuan dalam program pembasmian kemiskinan misalnya bantuan (program kemiskinan dalam bandar).
11. PN-1142-L3489
Datuk Chew Yun Ming minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan keengganan Kerajaan Filipina menubuhkan Kosulatnya di Sabah serta melengah-lengahkan penerimaan rakyatnya apabila dihantar balik perlu ditangani dengan tegas oleh Kerajaan Malaysia. Ini kerana keadaan sebegini mempunyai implikasi seperti implikasi kos, keselamatan, sosial dan lain-lain. Apakah tindakan Kerajaan supaya pihak Filipina memberi respon yang konkrit terhadap masalah ini.
12. PN-1142-L3170
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan seterusnya jika perundingan Proton dengan syarikat kereta Volkswagen gagal. Adakah Kerajaan akan mencari rakan kongsi yang lain. Adakah kemungkinan Proton akan digabungkan dengan Perodua sebagai langkah akhir jika tiada rakan kongsi antarabangsa.

13. PN-1142-L3127
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menambahkan tempat di IKBN memandangkan permohonan besar daripada belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti pelbagai kursus di peringkat persijilan dan diploma dan pada masa yang sama adakah Kementerian merancang untuk mengadakan kelas sambilan atau kelas malam untuk sesiapa saja yang berminat.
14. PN-1142-L3350
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) kos pengurusan dan perkhidmatan Hospital Gombak di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang menyerahkan pengurusan dan perkhidmatan hospital ini kepada Kementerian Kesihatan. Jika tidak, apakah langkah-langkah peningkatan kualiti pengurusan sumber dan perkhidmatannya.
15. PN-1142-L3319
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah bilangan rombongan serta kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menaja Ekspedisi Penaklukan Kutub Utara oleh Dato' Sharifah Mazlina dan berapa pula oleh Ekspidisi Menawan Gunung Everest baru-baru ini. Adakah Kementerian menggalakkan golongan belia dalam aktiviti mendaki gunung-gunung dalam negara dan apakah bentuk galakkan tersebut.
16. PN-1142-L3192
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejak Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) ditubuhkan, sejauh manakah keberkesannya di dalam usaha melindungi kepentingan dan hak pengguna.
17. PN-1142-L3653
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah dengan kewujudan IPTS yang begitu banyak seperti cendawan tumbuh selepas hujan di negara kita memberi kesan dari segi budaya dan pengaruh luar negatif yang boleh meresap di kalangan pelajar Melayu. Apakah tindakan Kementerian bagi memantau dan mengatasi masalah tersebut.

18. PN-1142-L3452
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan khazanah alam di negara ini dipelihara dan dilindungi supaya generasi muda pada masa hadapan tidak hanya menatap keindahannya daripada buku serta menjaga zon-zon hijau yang semakin berkurangan akibat pembangunan yang boleh mengakibatkan kesan pemanasan global pada bumi ini.
19. PN-1142-L3513
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan betulkah tuduhan sesetengah pihak terdapat sikap pelajar cakna dalam pemilihan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah berasrama penuh hingga kuasa memilih dibuat oleh peringkat kakitangan bawahan dan tidak oleh pegawai atasan yang hanya bertindak sekadar mengesahkan pemilihan yang telah dibuat sahaja.
20. PN-1142-L3422
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah caranya untuk mendapatkan maklumat dan data-data pengagihan kerja-kerja tawaran tender ke seluruh negara demi memastikan pengagihan dibuat secara adil dan saksama.
21. PN-1142-L2943
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan persiapan Kementerian dalam menghadapi permintaan pasaran niaga yang berubah-ubah dengan pantas akibat globalisasi, liberalisasi dan inovasi teknologi.
22. PN-1142-L3408
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peruntukan sebenar tabung untuk rumah PPRT untuk 5 tahun terakhir 2007, 2006, 2005, 2004, 2003 dan kenapakah penduduk miskin tergar terpaksa menunggu hingga lebih 5 tahun untuk mendapatkan rumah PPRT.
23. PN-1142-L3211
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah sebenar OKU yang ada di dalam negara dan berapa ramaikah yang telah diambil bekerja di sektor awam dan swasta.
24. PN-1142-L3427
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia masih mempunyai hasrat untuk membina pagar/tembok di sepanjang sempadan Malaysia/Indonesia di Pulau Borneo atas dasar keselamatan yang lebih baik.

25. PN-1142-L3026
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha bagi menggalakkan ibu bapa supaya menghantar anak-anak kurang upaya/istimewa untuk mendapat pendidikan/latihan khas dan adakah Kementerian mengenakan tindakan undang-undang terhadap ibu bapa yang ingkar.
26. PN-1142-L3552
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah polisi JPN mewajibkan semua permohonan pertukaran sekolah anak dibuat melalui si bapa memandangkan ia bukan sahaja bercanggah dengan seksyen 5 Akta Perlindungan Kanak-kanak 1961 (Pindaan 1988) tetapi juga menyukarkan kaum ibu tunggal yang bercerai.
27. PN-1142-L3315
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pendirian Kementerian dalam penggunaan dan pembuangan beg-beg plastik yang memang amalan masyarakat kita.
28. PN-1142-L3007
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah halangan dan cabaran untuk menggubal dan melaksanakan Akta Jenayah Aqedah di Malaysia. Bilakah ianya akan dilaksanakan.
29. PN-1142-L3349
Ir. Hiang A Li minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah kenaikan gaji kakitangan awam dilaksanakan kerajaan apakah cara atau pun pemantauan yang akan dilakukan bagi meningkatkan prestasi mereka terutamanya sistem penyampaian kesemua agensi-agensi Kerajaan.
30. PN-1142-L2954
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang setiap Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000, 2002, 2004, 2006 dan 2007.
31. PN-1142-L3190
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengenai bilangan pendakwaan dan sabitan di bawah Anti-Money Laundering Act bagi mencegah perbuatan yang menyalahi undang-undang.
32. PN-1142-L3286
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti terhadap syarikat yang disyaki melakukan deklarasasi palsu terhadap prestasi kewangannya agar pelabur dilindungi dan integriti pasaran dipelihara.

33. PN-1142-L3107
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah seksyen 33 (a) & (b) Akta Kebankrapan 1967 berkesan melindungi para penjamin.
34. PN-1142-L3080
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada syarikat-syarikat perladangan memberi perlindungan SOCSO kepada pekerja-pekerja mereka supaya dengan adanya perlindungan PERKESO nasib pekerja adalah terbela dan nyatakan bilangan kes yang diproses oleh pihak PERKESO daripada sektor ini untuk lima tahun yang lepas.
35. PN-1142-L3271
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pembaharuan yang dibuat dalam penambahbaikan pengangkutan awam sehingga kini hasil dari penjimatan subsidi minyak sebanyak RM4.4 billion.
36. PN-1142-L3064
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program susulan yang ditumpukan untuk mengubah imej golongan Mat Rempit berikutan kejayaan golongan itu membuat penerjunan di Kutub Utara baru-baru ini.
37. PN-1142-L3017
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dari segi perundangan dan penguatkuasaan agar projek terbengkalai atau lewat siap tidak berlaku di dalam RMK-9.
38. PN-1142-L3584
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk memberikan kuasa kepada Pegawai Belia dan Sukan Daerah untuk meluluskan peruntukan pembiayaan program (dalam jumlah yang kecil, contoh RM1,000.00) kepada persatuan-persatuan belia bagi mengelakkan daripada persatuan-persatuan ini lesu.
39. PN-1142-L3455
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan Virus Avian Influenza (H5N1) atau pun selsema burung ini dikhuatiri akan berjangkit terhadap manusia berikutan satu kes selsema burung yang berlaku di Sungai Buloh baru-baru ini. Wajarkah, setiap penternak-penternak ayam diberikan vaksin supaya tidak dijangkiti oleh virus ini.
40. PN-1142-L3050
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program susulan yang akan dijalankan di kalangan rakyat Malaysia merentas Selat Inggeris, menawan Kutub Utara dan Selatan dan mendaki Everest ke arah melahirkan lebih ramai rakyat berjiwa Malaysia Boleh.

41. PN-1142-L3231
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian mengesyorkan kepada pihak IPTA dan IPTS berkenaan dengan kursus-kursus terkini yang dihendaki oleh pasaran global.
42. PN-1142-L3145
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah Sekolah Menengah Kebangsaan yang mempunyai Guru Bahasa Tamil yang mengajar secara sepenuh masa atau mengajar dalam masa jadual waktu sekolah.
43. PN-1142-L3358
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi kementerian dalam menaikkan lagi imej negara kita daripada sebarang persepsi negatif yang disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
44. PN-1142-L3193
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan Persatuan Belia Tionghua yang mendapat bantuan daripada Kementerian dan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada persatuan-persatuan tersebut pada tahun 2005 dan 2006.
45. PN-1142-L2958
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebab adanya perbezaan di mana sesetengah Jabatan Pelajaran Negeri menerima borang pendaftaran anggota pengelola SJK(C) dan mendaftar mereka mengikut fasa 88 (2) di Akta Pendidikan 1996 dan sesetengah Jabatan Pelajaran Negeri tidak hendak menerima borang tersebut. Dalam lima tahun ini, berapakah lembaga pengelola sekolah telah mendaftarkan anggotanya di Jabatan Pelajaran Negeri.
46. PN-1142-L3615
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah akan dikuat kuasakan penjualan rumah PPR di Wilayah Persekutuan yang diumumkan oleh Y.A.B.Perdana Menteri baru-baru ini dan bagaimanakah kaedah penjualannya. Bagaimana pula DBKL hendak mengasingkan mereka yang hendak terus menyewa dan mereka yang hendak membeli unit yang ditawarkan di blok yang sama.
47. PN-1142-L3441
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan untuk memajukan R&D tempatan supaya ia lebih berorientasikan pasaran.

48. PN-1142-L2986
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pengiktirafan penuh kepada para pelajar Malaysia lepasan kursus perubatan tradisional Cina dari Universiti-universiti di Negara China dan juga lepasan dari pusat-pusat perubatan Cina tempatan memandangkan ramai yang telah yakin dengan rawatan alternatif ini.
49. PN-1142-L3600
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan prosedur permohonan yang perlu diambil oleh belia-belia yang ingin memohon mengikuti Program Latihan Khidmat Negara serta apakah rasionalnya program ini ditawarkan kepada belia-belia ini.
50. PN-1142-L3313
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Syarikat Bright Rims Manufacturing Sdn. Bhd. telah memenuhi syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar kerana pencemaran udara masih berlaku dan apa tindakan tegas yang akan diambil terhadap syarikat berkenaan.
51. PN-1142-L3255
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk menyelaraskan perbezaan kenaikan gaji bagi kumpulan guru DG29 dan DG41 (siswazah) yang didakwa tidak adil sama sekali.
52. PN-1142-L3534
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengarah Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini untuk menubuhkan Jabatan Audit dalaman yang dianggotai oleh akauntan yang berkelayakan untuk memastikan "accountability" terhadap projek yang dijalankan untuk mengelak pembaziran wang awam.
53. PN-1142-L2994
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada sistem pendaratan pesawat yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) adalah memadai bagi membolehkan pesawat mendarat walaupun di dalam keadaan cuaca yang tidak memuaskan dan sama ada sistem tersebut telah dapat mengurangkan peratusan pesawat yang gagal mendarat disebabkan keadaan cuaca yang tidak memuaskan.

54. PN-1142-L3537
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) pada tahun 1988, Penubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meluluskan resolusi untuk menobatkan 31 Mei setiap tahun sebagai Hari Tanpa Tembakau Sedunia. Selepas 19 tahun ia dirayakan, adakah segala usaha untuk mengurangkan jumlah perokok, jumlah kematian akibat merokok berjaya atau sekurang-kurangnya separuh berjaya; dan
 - (b) jika dibandingkan perokok tegar tahun 1988 sehingga 2007, bagaimanakah peratusnya setiap tahun sama ada meningkat atau menurun.
55. PN-1142-L3052
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berapa peratuskah siaran hiburan yang berbentuk muzikal, drama dan tayangan filem yang disiarkan dalam RTM 1 dan RTM 2.
56. PN-1142-L2956
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan dan program Kementerian untuk menangani masalah ekonomi dan kemiskinan di bandar.
57. PN-1142-L3499
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan nama agensi pelancongan yang menyediakan pakej umrah dan Haji yang telah disenarai hitamkan pada tahun 2004, 2005, 2006 dan enam bulan pertama tahun 2007.
58. PN-1142-L3532
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan kepada negeri Sabah untuk membolehkan Jabatan Perikanan Negeri Sabah meningkatkan keupayaan menghasilkan benih ikan yang bermutu tinggi untuk menampung permintaan industri akuakultur yang kian meningkat.
59. PN-1142-L3282
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri agar pemotongan cukai keuntungan (27%) yang diperolehi dari penjualan saham-saham oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sudah berpencen dibayar balik oleh Lembaga dengan segera.
60. PN-1142-L3435
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah kajian telah dilakukan terhadap ketetapan ramalan cuaca yang selama ini diberikan oleh Kementerian dan apakah hasilnya.

61. PN-1142-L3148
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa sebarang pelaburan saham melalui internet yang menjamin keuntungan secara tetap adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan gharar (keraguan) dimana ramai rakyat Malaysia dipercayai terjebak di dalam pelaburan sedemikian. Apakah usaha Kementerian dalam menangani isu ini.
62. PN-1142-L3566
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan punca permohonan Permit Teksi Eksekutif kurang mendapat sambutan orang ramai serta sejauh manakah usaha Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
63. PN-1142-L3417
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia selaku Pengerusi OIC di dalam membantu krisis dan pergolakan yang terjadi di negara-negara Islam yang di antaranya berperang sesama Islam yang boleh menjatuhkan maruah dan memalukan umat Islam.
64. PN-1142-L3245
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setelah melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan jayanya, adakah dalam tempoh terdekat ini, Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan semua belia yang berkenaan untuk mengikutinya.
65. PN-1142-L3160
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cadangan atau garis panduan baru yang akan diperkenalkan Kementerian bagi menyusun semula premis perniagaan barangan lusuh.
66. PN-1142-L3294
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan segera Kerajaan supaya peristiwa seperti letupan bom di Puduraya tidak berulang lagi di tempat awam seperti stesen LRT, stesen kereta api, komuter, stadium, pawagam dan lain-lain supaya keselamatan awam terjamin.
67. PN-1142-L3548
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah tidak ada satu usaha dilaksanakan bagi menentukan hanya orang tempatan sahaja digunakan bagi mempromosikan produk iklan keluaran sesebuah syarikat bagi memastikan rakyat menerima faedah dari pengiklanan itu.

68. PN-1142-L3172
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas kereta buatan Malaysia (4%) adalah lebih tinggi berbanding dengan kereta import (2.8%). Tidakkah ini akan menjejaskan lagi penjualan kereta buatan Malaysia.
69. PN-1142-L3383
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masalah Proton sehingga mengalami kerugian, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut dan berapakah jumlah pengedar-pengedar Proton yang masih aktif hingga kini.
70. PN-1142-L3146
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang mewajarkan penubuhan Jawatankuasa Peringkat Menteri di antara Malaysia-Singapura di dalam hubungan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).
71. PN-1142-L3523
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan dalam mempromosikan sektor bioteknologi negara melalui Kementerian, jabatan dan agensi-agensi di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan.
72. PN-1142-L3368
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rasionalnya dan kejayaan program pemberian jarum suntikan dan kondom percuma kepada penagih tegar dan apakah langkah-langkah telah digunakan bagi mengurangkan jumlah penagih dadah sebagai fokus utama Kerajaan.
73. PN-1142-L3121
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menyatakan strategi dan perancangan Kementerian untuk menerapkan nilai-nilai "volunteerism" atau sukarelawan di kalangan belia melalui pelbagai program kebajikan.
74. PN-1142-L3604
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan syarikat GLC yang terpaksa menjual asetnya atau anak syarikatnya bagi memulihkan syarikat ini dari terus mengalami kerugian disebabkan kegagalan dan kesilapan pengurusan yang lain. Kenapakah CEO syarikat ini apabila diketepikan masih lagi memiliki harta yang bertimbun-timbun dan terus hidup senang lenang di tempat lain.
75. PN-1142-L2950
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan peranan Kementerian dalam memajukan industri pelancongan di Kampung Melayu Pulau Pinang.

76. PN-1142-L3396
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program membudayakan keusahawanan di kalangan belia dalam usaha mengurangkan pengangguran di kalangan belia dan pencapaian Program Belia Tani yang disebut dalam RMK-9.
77. PN-1142-L3458
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah belia-beliawanis dari Sabah menyertai bidang kemahiran kerana pada masa ini, ramai golongan belia masih menganggur walaupun selepas mengikuti latihan kemahiran di pelbagai Institusi Latihan.
78. **PN-1142-L3651**
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah jumlah kes salah laku ataupun masalah disiplin pelajar di seluruh negara daripada 2006 hingga awal 2007. Apakah ia menunjukkan peningkatan ataupun penurunan kes-kes sedemikian.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 17/2007) | Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]
- Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Ini dibacakan kali yang kedua sekarang".
(11 Julai 2007) | |
| 2. | (D.R. 22/2007) | Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007
[Perdana Menteri] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 20/2007) | Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007
[Menteri Kesihatan] | " |
| 4. | (D.R. 23/2007) | Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007
[Menteri Pengangkutan] | " |
| 5. | (D.R. 24/2007) | Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007
[Menteri Pengajian Tinggi] | " |
| 6. | (D.R. 18/2007) | Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] | " |
| 7. | (D.R. 19/2007) | Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] | " |
| 8. | (D.R.25/2007) | Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | " |
| 9. | (D.R.26/2007) | Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | " |
| 10. | (D.R.27/2007) | Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007;
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | " |

- | | | | |
|-----|---------------|--|---|
| 11. | (D.R.28/2007) | Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007;
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | " |
| 12. | (D.R.29/2007) | Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007;
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | " |
| 13. | (D.R.15/2007) | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007;
[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri] | " |
| 14. | (D.R.21/2007) | Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007;
[Perdana Menteri] | " |
| 15. | (D.R.36/2007) | Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007;
[Perdana Menteri] | " |
| 16. | (D.R.34/2007) | Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007;
[Menteri Kewangan] | " |
| 17. | (D.R.35/2007) | Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007; dan
[Menteri Kewangan] | " |
| 18. | (D.R.31/2007) | Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.
[Menteri Kewangan] | " |

19. PN-1142-U3023
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

20. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<i>RISALAT/DOKUMEN</i>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	12 Julai 2007